

1. Al-Maududi telah menggariskan tiga (3) prinsip utama sistem politik Islam. Bincangkan prinsip-prinsip ini. Bincangkan juga secara bandingan pandangan al-Maududi terhadap perbezaan demokrasi Islam dan demokrasi Barat.  
(100 markah)
  
2. Apakah yang anda fahamkan mengenai konflik? Buat satu analisis bandingan dimensi-dimensi konflik di Chechenya dan Indonesia.  
(100 markah)
  
3. Kajian politik perbandingan boleh dianalisis melalui tiga perspektif utama iaitu tradisional, tingkah laku dan pasca-tingkah laku. Bincangkan ketiga-tiga perspektif ini. Gunakan contoh-contoh untuk menyokong hujah anda.  
(100 markah)
  
4. Apakah yang anda fahamkan tentang pembangunan politik? Bincangkan kesejarahan pembangunan politik negara-negara Barat dalam tiga (3) dimensi berikut:
  - (a) kekuasaan pemerintah
  - (b) identiti nasional
  - (c) penyertaan politik  
(100 markah)
  
5. Masyarakat madani (sivil) telah mendapat perhatian dalam analisis politik perbandingan. Berdasarkan pengalaman di Asia Tenggara, bincangkan corak perkembangan masyarakat madani yang berteraskan Islam.  
(100 markah)